



Bank Pertanian Malaysia Berhad 200801010522 (811810-U)

**SOALAN-SOALAN LAZIM
PROGRAM UTAMA – TERNAK**

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Program Usahawan Ternakan Ayam Madani bagi Skim Ternakan Komersial ("UTAMA – TERNAK")?	<p>Program UTAMA-TERNAK ini dibentuk bagi menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk pembiayaan kepada usahawan ternakan ayam disebabkan oleh perubahan polisi kawalan harga ayam yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ("KPKM") pada 1 November 2023.</p> <p>Program ini ditawarkan kepada usahawan yang menjalankan aktiviti ternakan ayam secara komersial dalam skala sederhana dengan jumlah kapasiti ternakan ayam sehingga 35,000 ekor. Pernakan ayam yang dinyatakan di dalam Program ini merujuk kepada jenis Ayam Pedaging dan Ayam Kampung Kacukan.</p>
2.	Siapakah yang layak memohon kemudahan pembiayaan di bawah Program ini?	<ul style="list-style-type: none">a) Warganegara Malaysia.b) Pemohon berusia di antara 18 tahun dan sehingga 60 tahun (semasa tamat tempoh pembiayaan).c) Pemohon atau Perniagaan (Milikan Tunggal, Perkongsian, <i>Limited Liability Partnership</i> (LLP) dan Sdn. Bhd), didaftarkan atau diperbadankan dibawah:<ul style="list-style-type: none">i. Suruhanjaya Syarikat Malaysia sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, dan/atau Akta Syarikat 2016, atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (swasta terhad, pemilikan tunggal dan perkongsian);ii. Bagi Sabah & Sarawak: Pihak berkuasa berkaitan atau Pejabat Daerah (<i>District Offices</i>).d) Pemohon atau Perniagaan mempunyai pengalaman ternakan ayam sekurang-kurangnya tiga (3) tahun berdasarkan pembuktian dokumen yang berkaitan seperti daftar perniagaan/penubuhan syarikat atau perjanjian ladang kontrak atau dokumen transaksi perniagaan (seperti resit, invois, rekod hasil dan seumpama dengannya).
3.	Apakah skop pembiayaan di bawah Program ini?	<p>Program ini menawarkan kemudahan pembiayaan modal kerja kepada usahawan bagi menampung kos-kos operasi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Pembelian anak ayam;b) Pembelian stok makanan ayam ternakan;c) Pembelian ubat-ubat termasuk vaksin ayam ternakan;d) Upah pekerja dan utiliti.
4.	Apakah konsep Syariah yang digunakan bagi Program ini?	<p>Tawarruq</p> <p>Program ini menggunakan konsep Tawarruq yang melibatkan dua (2) kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan Aset (komoditi) oleh Penjual kepada Pembeli secara Tangguh. Seterusnya, Pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual Aset (komoditi) yang sama kepada Pihak Ketiga secara tunai.</p> <p>Melalui transaksi Tawarruq, Bank akan membeli Aset (komoditi) daripada Pembekal Komoditi dengan Harga Kos (berdasarkan kepada jumlah pembiayaan yang diluluskan). Kemudiannya, Bank menjual Aset (komoditi) tersebut kepada Pelanggan secara Murabahah (iaitu Harga Kos ditambah Keuntungan) dengan bayaran secara tertangguh. Seterusnya, Bank (bertindak sebagai Wakil Pelanggan) akan menjual Aset (komoditi) tersebut kepada Pihak Ketiga pada Harga Kos secara tunai. Hasil jualan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai amaun pembiayaan yang dikehendaki oleh Pelanggan.</p>

Wakalah

Di bawah kemudahan pembiayaan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep Wakalah. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen pelanggan untuk menerima pembelian Komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada

*Tertakluk kepada Terma dan Syarat
Tarikh Berkuatkuasa: Februari 2025





Bank Pertanian Malaysia Berhad 200801010522 (811810-U)

**SOALAN-SOALAN LAZIM
PROGRAM UTAMA – TERNAK**

No.	Soalan	Jawapan
		Pembekal Komoditi lain bagi pihak pelanggan untuk melengkapkan transaksi Tawarruq.
		"Komoditi" dalam konteks transaksi Tawarruq adalah merujuk kepada apa-apa jenis Komoditi patuh Syariah yang diterima pakai oleh Bank seperti minyak sawit mentah, plastik resin, kredit prabayar atau apa-apa Komoditi yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi yang diniagakan di mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang diluluskan oleh Bank.
5.	Dimanakah permohonan pembiayaan boleh dilakukan?	Pemohon dinasihatkan untuk membuat permohonan pembiayaan di mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran dengan lokasi perniagaan pemohon.
6.	Apakah jenis produk pembiayaan yang ditawarkan di bawah Program ini?	<u>Modal Kerja-i (MK-i)</u> <ul style="list-style-type: none">• Merupakan satu kemudahan pembiayaan modal kerja melalui kredit pusingan berdasarkan kepada prinsip Syariah Tawarruq.
7.	Berapakah jumlah kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	Maksima : RM500,000* Minima : RM50,000*
8.	Berapakah tempoh pembiayaan di bawah Program ini?	<ul style="list-style-type: none">a) Tempoh pembiayaan bagi kemudahan ini adalah sehingga 84 bulan (7 tahun)*.b) Manakala tempoh kredit pusingan adalah berdasarkan kitaran operasi mengikut jenis ternakan ayam seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">i. Ayam Pedaging – Tidak melebihi dua (2) bulan bagi satu kitaran*.ii. Ayam Kampung Kacukan – Tidak melebihi (3) bulan bagi satu kitaran*.
9.	Dokumen yang diperlukan bagi permohonan pembiayaan.	Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi permohonan pembiayaan adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none">a) Daftar perniagaan/penubuhan syarikat, atau perjanjian ladang kontrak.b) Mana-mana dokumen transaksi terkini yang membuktikan operasi perniagaan seperti resit, invois, rekod hasil dan yang seumpama dengannya.c) Invois pembelian <i>Day-Old-Chick</i> (DOC) berdasarkan bilangan ekor ayam yang diternak.d) Jumlah pembiayaan bagi DOC adalah sepertimana yang dinyatakan dalam invois tersebut dan tertakluk kepada kos maksima setiap satu ekor ayam.
10.	Berapakah kadar keuntungan bagi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	Kadar keuntungan adalah 3.75%* setahun dikira atas baki harian.
11.	Adakah fi & lain-lain kos dikenakan kepada pelanggan berhubung kemudahan pembiayaan ini?	Fi dan kos yang melibatkan penyempurnaan suratcara pembiayaan seperti sumbangan takaful kredit dan setem duti adalah ditanggung oleh pelanggan. Bagi tujuan di atas, pelanggan adalah dibenarkan untuk membuat pembayaran melalui wang kemudahan pembiayaan semasa proses pengeluaran wang kemudahan pembiayaan dilaksanakan.
12.	Adakah cagaran diperlukan?	Tiada cagaran diperlukan bagi Program ini.

*Tertakluk kepada *Terma dan Syarat*
Tarikh Berkuatkuasa: Februari 2025





Bank Pertanian Malaysia Berhad 200801010522 (811810-U)

**SOALAN-SOALAN LAZIM
PROGRAM UTAMA – TERNAK**



No.	Soalan	Jawapan
13.	Bagaimakah saya boleh mendapatkan keterangan lanjut berkenaan dengan Program ini?	<p>Pemohon boleh menghubungi pihak Bank melalui medium seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none">• Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476;• Layari laman sesawang rasmi Agrobank www.agrobank.com.my;• Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan;• Layari media sosial rasmi Agrobank iaitu Facebook, Instagram, dan Twitter.
14.	Dimanakah saya boleh mendapatkan borang permohonan bagi Program ini?	Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan dengan mengunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.
15.	Bagaimakah cara bayaran kemudahan pembiayaan ini perlu dilakukan?	Kaedah pembayaran kemudahan pembiayaan secara <i>one-off</i> dan/atau secara ansuran bulanan boleh dibuat melalui mana-mana saluran berikut; <ul style="list-style-type: none">• Mesin Deposit Tunai (CDM);• <i>Automated Teller Machine</i> (ATM) atau melalui perbankan internet;• Melalui kaunter dimana-mana cawangan Agrobank.

*Tertakluk kepada *Termasuk Syarat*
Tarikh Berkuatkuasa: Februari 2025



www.agrobank.com.my



[www.facebook.com / Agrobank](https://www.facebook.com/Agrobank)



@AgrobankMy



AgrobankTV